

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASSAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 27 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa jumlah majikan yang telah mengambil bahagian dalam insentif pengecualian cukai bagi majikan yang membantu pembayaran hutang PTPTN pekerja dan apakah langkah pihak Kementerian untuk menggalakkan lebih banyak lagi majikan yang mengambil bahagian di dalam insentif ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam pembentangan Belanjawan 2019, kerajaan telah memperkenalkan insentif pelepasan cukai kepada majikan yang membantu menyelesaikan baki pinjaman PTPTN pekerja mereka. Di bawah insentif ini, jumlah baki pinjaman PTPTN yang dijelaskan oleh majikan akan diambilkira sebagai sebahagian daripada perbelanjaan yang akan mengurangkan pendapatan bercukai syarikat. Dalam konteks ini, majikan tidak boleh mengenakan apa-apa syarat kepada pekerja mereka sebagai balasan kepada pembayaran baki hutang PTPTN yang telah dijelaskan.

Sehingga Jun 2020, sejumlah 30 majikan telah mengambil bahagian dalam insentif ini dengan bayaran balik yang diterima oleh PTPTN adalah sebanyak RM451,536.34.

PTPTN secara berterusan mengadakan promosi serta penerangan berkenaan insentif ini. Bagi memberi peluang kepada lebih banyak majikan mendapat manfaat daripada insentif ini, Kerajaan telah meneruskan pelaksanaan insentif ini sehingga tahun 2021.

Sekian, terima kasih.